

20/05/2004

Susah dapat bantuan belajar aeroangkasa di luar negara

By Pelajar Resah

SAYA ialah graduan institusi pengajian tinggi (IPT) dalam jurusan kejuruteraan Aeroangkasa. Baru-baru ini sebuah universiti di United Kingdom menawarkan tempat untuk saya melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana Kejuruteraan dan Pengurusan dalam Sistem Pembuatan dijadualkan bermula Oktober ini.

Memang cita-cita dan impian saya untuk menambah ilmu di Universiti Cranfield kerana prestasi pengajian dan penyelidikan yang mengagumkan dalam bidang aeroangkasa, maka tawaran ini saya terima dengan rasa lapang dan penuh kesyukuran bak orang mengantuk disorongkan bantal.

Maka bermulalah episod saya turun naik pejabat kerajaan untuk mengumpul maklumat berkaitan bantuan kewangan bagi membiayai pengajian itu.

Alangkah kecewanya dan separuh semangat saya terbang apabila mendengar kata-kata daripada pegawai bertugas: "Maaf, anda tidak layak" atau "kami tidak menyediakan sebarang pinjaman pembiayaan untuk pengajian sarjana".

Inilah dua jawapan standard yang saya terima. Saya faham bukan salah pegawai terbabit kerana mereka terikat kepada dasar kerajaan atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tetapi, jika saya tidak layak dengan alasan CGPA saya tidak melebihi 3, bagaimana pula universiti luar negara boleh mengiktiraf kelayakan ini dengan memberi tawaran itu. Apakah CGPA saja dijadikan ukur tara memberikan bantuan?

Benar bank menawarkan pinjaman pendidikan tetapi ia memerlukan cagaran hartanah seperti rumah ataupun wang deposit tetap. Ini amat mendukacitakan saya. Kedua-dua ibu bapa saya adalah pesara kerajaan.

Persoalannya apa akan terjadi kepada pelajar yang mempunyai semangat juang yang tinggi untuk mencari ilmu tetapi semangat ini pudar akibat kesempitan wang?

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pernah menekankan aeroangkasa adalah bidang yang penting dan perlu dalam pembangunan teknologi angkasa lepas kita.

Belanjawan 2004 mendedahkan skop bantuan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) diperluaskan demi membantu meringankan beban mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara tetapi jawapan yang diterima daripada pegawai JPA adalah: "Maaf, kami belum menerima sebarang pekeliling". Apakah kita cakap saja tetapi segala-galanya tinggal perancangan saja?

Tujuan saya menulis bukan untuk menyalahkan sesiapa berikutan kelemahan sistem bantuan kita, tetapi sekadar membawa perhatian kerajaan terhadap perkara ini yang dianggap remeh oleh sesetengah pihak.

Saya minta usah disiram racun membunuh semangat waja kami untuk menimba ilmu dengan alasan seperti kami bukan pelajar cemerlang kerana ilmu inilah yang menjana semangat kami untuk berkhidmat kepada negara tercinta dalam mencapai Wawasan 2020.

PELAJAR RESAH,  
Taman Paroi Jaya,  
Seremban.

(END)